



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 30 DISEMBER 2018

- 1. HARGA SEWA TURUN 50 PERATUS**
 - **SINAR HARIAN**
- 2. TIGA DAH JADI 120**
 - **METRO AHAD**
- 3. CILI SELUDUP: RASUAH RM 8,000 SATU KONTENA**
 - **MINGGUAN MALAYSIA**
- 4. FAMA LARANG PASAR TANI JUAL CILI VIETNAM**
 - **MINGGUAN MALAYSIA**
- 5. MOA SEDIAKAN RM 20 JUTA UNTUK ANAK MUDA CEBURI
PERTANIAN**
 - **KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH :

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

(MADA)

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 30 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Harga sewa turun 50 peratus

Lot niaga Keda Mall dikurang RMI,000

MUHAMMAD AMMAR MURASSYIR ABD HADI

KULIM

Berapakah harga sewa bagi sebarang lot-lot perniagaan di Keda Mall Kulim dalam Dun Lunas yang sebelum ini membebaskan penyewa kini dikurangkan kepada RM1,000.

Exco Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Asas Tani, Azman Naurudin berkata, penurunan harga daripada RM2,000 sebelum ini hasil perbincangan bersama pengurusan Keda sekitar Jun dan Julai lalu.



Azman menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada salah seorang murid di Taman Kangkong, semalam.

"Sebelum ini harga sewaan ditawarkan agak tinggi, jadi saya pernah berbincang bersama Keda sebelum ini untuk dikurangkan.

"Alhamdulillah, Keda telah menurunkan harga sewaan

berkenaan sehingga 50 peratus," katanya kepada Sinar Harian selepas selesai merasmikan program Jualan Murah Sempena Pra Pembukaan Keda Mall, Kulim, semalam. Hadir sama, Timbalan

Pengurus Besar Keda, Kamarudin Abd Akib dan Ahli Parlimen Padang Serai, M Karupaya.

Katanya, daripada 22 unit lot ditawarkan, 16 daripadanya telah mempunyai penyewa.

"Jadi masih ada kekosongan lot perniagaan. Pembukaan Keda Mall ini akan dilancarkan pada awal Mac depan.

"Pasar raya ekonomi rakyat ini diharap akan menarik lebih ramai pelanggan untuk datang ke sini. Perlu dirancang lebih banyak program supaya tempat ini lebih meriah," katanya.

Tambahnya, pembinaan lot perniagaan di kawasan strategik seperti dilakukan Keda Mall memberi peluang kepada usahawan tempatan mempromosikan dan menjual produk atau perkhidmatan ditawarkan mereka.

"Selalunya apabila menyeybet Keda, kita akan lakukan dengan pembinaan rumah, sama ada bina baru atau baik pulih, pertanian dan penternakan.

"Tetapi pada hari ini saya lihat peranan Keda semakin luas. Keda telah menganjur-

kan pelbagai program latihan, seminar serta bengkel melibatkan usahawan," katanya.

Katanya, pembangunan keusahawanan merupakan antara pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara.

"Ia merupakan tema kepada inovasi dan transformasi ke arah era kreatif serta ekonomi berpendapatan tinggi," katanya.

Dalam pada itu beliau yang juga Adun Lunas berkata, seramai 500 murid sekolah dalam Dun Lunas menerima sumbangan beg sekolah.

"Pada hari ini (semalam) kita menghimpunkan 500 penerima terdiri dari kampung dan taman. Antaranya Kampung Naga Lilit, Sungai Seluang, Batu 8, Taman Kangkong dan lain-lain lagi," katanya.

KERATAN AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 30 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTERNAKAN



NIWANA (kiri) bersama penternak anab yang aktif di Kelantan ketika ditemui di Bachok Rabbit Farm.

MUHAMMAD Anis memberi makan lebih 200 anab peribuatannya.

ANAK anab yang baru dilahirkan memerlukan masa 30 hari untuk mendaki mata.

TIGA DAH JADI 120

Penternak anab raih untung ribuan ringgit berikutan daging mula diminati orang ramai

Nor Amalina Alias
cheval@rap.com.my

Bachok

Jika sebelum ini anab diadkan sebagai haiwan peliharaan saja tetapi kini lebih ia boleh menyumbang kepada keuntungan ribuan ringgit kepada penternaknya berikutan dagingnya mula diminati orang ramai.

Harga anab pedaging mampu mencecah RM150 ke RM200 seekor bagi betina dan RM175 hingga RM185 sekilogram bagi anab yang siap diproses lalu dua kali ganda mahal daripada daging lembu atau ayam.

Faktor dagingnya yang dikatakan mampu mencawan daging ayam selain permatannya sebagai menu hidangan seperti sate anab dan sop menjadikan penternakan anab kini bukan lagi sekadar hobi biasa.

Penternak anab Niwana Abdullah, 39, berkata dia hanya bermula dengan modal RM150 bagi membeli tiga ekor anab sebagai peliharaan. Tetapi selepas itu membaik dengan cepat sebelum dia memulainya secara rasmi bertujuan untuk membolehkannya.

"Kini, saya mampu menjana pendapatan ribuan ringgit hasil dengan menjual anab."

"Sehingga kini, saya mempunyai 120 ekor anab jenis New Zealand White dan Fimella sejumlah 600 induk yang diadkan baka."

Anab berusia dua bulan dengan berat sekurang-kurangnya 1.6 kilogram ke atas sudah boleh dimat dan boleh dijadikan induk baka ketika berusia tiga bulan ke atas," katanya ketika ditemui di Bachok Rabbit Farm, semalam.

Niwana antara 55 penternak anab yang aktif di Kelantan ditemui dalam majlis Kursus Penternakan Anab Sebagai Sumber Rezeki Baru

dan Taklimat Pembinaan Gezaan Kerajaan Agropreneur Muda anjakan Pertubuhan Darul Naim Gemilang.

Majlis dianjurkan Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MGA) Wan Mohd Johari Wan Yusoff.

Turut hadir Pengarah Veterinar Negeri Kelantan, Dr Suriani Kamaruddin dan Pengarah Perubatan Darul Naim Gemilang Syahidul Amin Kharuddin.

Seorang lagi penternak yang juga penternak ikan, Muhammad Anis Jamali, 41, berkata, dia mengesyorkan ternakan anab kerana meminati baka-baka anab kecil, tetapi tidak menyangka mendapat permintaan luar jangka sehingga tidak menyangka.

"Saya belajar mengenai penternakan anab melalui YouTube selain daripada tawaran penternak lain termasuk dari segi pengurusan dan kawalan penyakit anab," katanya.

KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH : 30 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN



PEMERIKSAAN terhadap kontena membawa cili import dari Vietnam memang ada dijalankan namun terdapat segelintir penguat kuasa yang bersikap tamak dengan menerima habuan daripada pengimport. - GAMBAR HIASAN

70 peratus di pintu sempadan, 30 peratus pelabuhan

Cili seludup: Rasuah RM8,000 satu kontena

■ KUALA LUMPUR 29 DIS.

SEBUAH syarikat pengimport mendedahkan wujud unsur rasuah dalam kalangan anggota penguat kuasa bagi membenarkan cili dari Vietnam dapat diseludup masuk menerusi pelabuhan utama negara.

Sumber yang merupakan pegawai kanan syarikat berkenaan mendakwa, upah dan habuan diminta adalah sebanyak RM8,000 bagi setiap kontena yang dilepaskan tanpa perlu diperiksa.

"Walaupun terpaksa membayar caj 'tutup mata' itu, syarikat pengimport masih mampu mengaut untung tinggi.

"Malah laporan Utusan Malaysia tempoh hari memang 100 peratus tepat seperti taktik pengisytiharan palsu selain menggunakan negara jiran sekali gus menjadi panca cili diharamkan masih berlambak di pasaran," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Pada 22 Ogos lalu, Laporan Khas Utusan Malaysia mendedahkan Malaysia menjadi pusat lambakan hasil pertanian eksport negara luar terutamanya cili merah yang gagal melepasi pawaiannya negara lain.

Beritahun itu, pegawai insentif diambil Kementerian Pertanian terutasi mengemukakan permit import cili dari negara berkenaan daripada dibawa masuk ke negara ini berkuat kuasa, 14 September lalu.

Namun, setelah tiga bulan berlalu, *Utusan Malaysia* mendapati cili berkenaan masih dijual di pasaran sebelum beberapa jabatan dan agensi mengikut

MUKADIMAH

! Eksklusif

PENDEDAHAN demi pendedahan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* mengenai kemasukan cili beracun dari Vietnam sejak beberapa minggu lalu sehingga permit kemasukannya digantung, merunglai satu lagi kelemahan besar dalam penguatkuasaan agensi kerajaan.

Meskipun tidak dibenarkan masuk ke negara ini dan pintu masuk negara sentiasa dipantau, cili tersebut masih boleh dibeli di pasaran tempatan termasuk Pasar Borong Kuala Lumpur.

Siasatan wartawan *Mingguan Malaysia* mendapati penguat kuasa di pintu sempadan menerima habuan daripada pengimport sehingga RM8,000 bagi melepaskan satu kontena cili berkenaan.

Ikuti laporan wartawan *Mingguan Malaysia*, **MOHAMMAD YASIR JAAFAR, HADI AB. MANAP** dan **MOHAMMAD ATHIR ISMAIL** berhubung isu tersebut.

wujud masalah penyeludupan bahan komoditi tersebut

Sumber memaklumkan, 70 peratus bahan komoditi pertanian diharamkan itu diseludup masuk melalui bahan dan di pintu sempadan negara jiran yang ditukar label.

"Sementara itu, 30 peratus pula diseludup masuk melalui pelabuhan atau pintu masuk utama negara.

"Antara sebab saya mendedahkan perkara ini kerana ia tidak adil kepada syarikat pengimport lain dan lebih penting demi kesejahteraan rami serta melindungi keselamatan makanan negara," ujarnya.

Ditanya keutamaan hasil pe-

nyeludupan, sumber memberitahu, harga cili merah di Vietnam begitu murah iaitu dalam lingkungan RM3.50 ke RM4 sekilogram sebelum pengimport menjualnya pada harga RM6 kepada pemborong besar.

"Selepas itu, pemborong menjual kembali kepada peruncit termasuk pasar raya pada harga RM7.

"Jika RM8,000 (duit rasuah) itu dibahagi kepada 17 tan iaitu muatan bagi satu kontena, kadar rasuah adalah sekitar 47 sen sekilogram. Dianggarkan setiap keuntungan mereka (pengimport) sekitar RM40,000 selepas tolak kos dan duit rasuah," jelasnya.

KERATAN AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

TARIKH : 30 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

FAMA larang pasar tani jual cili Vietnam

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Semua usahawan di bawah bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dilarang menjual cili import dari Vietnam di gerai jualan mereka berkuat kuasa serta-merta.

Arahan tegas itu dikeluarkan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak berikatan ghalaknya juga mengesan cili beracun turut dijual di pasar-pasar tani seluruh negara.

Bellau berkata, larangan itu membabitkan semua usahawan pasar tani, pasar tani kekal, Agrobazaar Kedai Rakyat dan Agrobazaar Malaysia.

"Dalam minggu ini saya telah keluaran arahan kepada semua pengarah negeri untuk keluaran perintah larangan penjualan cili import Vietnam kepada semua usahawan bimbingan FAMA.

"Ini selepas kita mengesan masih wujud penjualan cili beracun itu meskipun permit importnya (IP) sudah digantung oleh kerajaan," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Ahmad menambah, pemanagan secara hartan telah dilakukan anggotanya di setiap negeri bagi memastikan cili itu tidak bolos dijual kepada pengguna.

Ujarnya lagi, FAMA meminta semua pentiaga di bawah kelolaannya mempamerkan sikap jujur terhadap perniagaan mereka demi kepentingan bersama.

"Ada sesetengah pentiaga tidak tahu itu adalah cili import Vietnam. Jadi, kita telah beri amaran dan minta mereka jangan jual kepada pengguna.

"Justeru, FAMA minta mereka jujur dengan penjualan masing-masing kerana kita tidak mahu perkara ini mendatangkan mudarat kepada pengguna," tegasnya.



AHMAD ISHAK

SOP bawa masuk cili import diperketat

Pada 29 Disember 2018, FAMA telah mengeluarkan arahan kepada semua pengarah negeri untuk mengeluarkan perintah larangan penjualan cili import Vietnam kepada semua usahawan bimbingan FAMA.

Malaysia lubuk lambakan cili import?

Kalau lambakan ini berterusan, semua petani akan terancam. FAMA meminta semua pengguna membeli cili di gerai-gerai yang mempunyai lesen import. FAMA juga meminta semua pengguna membeli cili di gerai-gerai yang mempunyai lesen import.

CILI IMPORT BERACUN

Cili import beracun yang dijual di pasaran tani di seluruh negara. Cili ini boleh menyebabkan sakit perut, muntah, dan diare. Cili ini juga boleh menyebabkan kematian.

Pasukan khas pantau isu cili

Lubuk lambakan cili? Pasukan khas FAMA telah dibentuk untuk memantau isu cili di seluruh negara.

Permit import cili Vietnam digantung serta-merta

Lubuk lambakan cili? FAMA telah menggantung permit import cili Vietnam berkuat kuasa serta-merta.

SOP bawa masuk cili import diperketat

FAMA telah memperketat SOP bawa masuk cili import.

LAPORAN Utusan Malaysia dan *Mingguan Malaysia* berhubung isu cili merah dari Vietnam sejak Ogos lalu.

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 30 DISEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

MOA sediakan RM20 juta untuk anak muda ceburi pertanian

BACHOK - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meluluskan peruntukan RM20 juta di bawah skim insentif untuk melahirkan anak muda menceburkan diri dalam bidang pertanian secara komersial sepanjang tahun depan.

Pegawai Khas kepada Menteri kementerian itu, Wan Mohd. Johari Wan Omar berkata, mereka yang terpilih akan diberi peruntukan di antara RM10,000 sehingga RM20,000 berasaskan sesuatu bidang yang diceburi.

"Mereka mestilah mempunyai syarat tertentu antaranya minat yang mendalam, tidak mempunyai pekerjaan dan kemudahan asas terutama keperluan yang sesuai dengan bidang hendak diceburi," katanya ketika ditemui pada majlis Kursus Penter-

nakan Arnab di sini semalam.

Seramai 50 peserta menyertai program berkenaan yang turut dihadiri Pengarah Veterinar Kelantan, Dr. Suratn Kamarudin dan Pengerusi Pertubuhan Darulnaim Gemilang, Syahidulamri Khairuddin.

Wan Mohd. Johari berkata, mereka berumur 18 hingga 40 tahun yang berminat boleh membuat permohonan sekarang menerusi agensi-agensi kerajaan berkaitan di kawasan masing-masing tanpa mengira fahaman politik.

"Mereka akan diberi latihan asas seperti kaedah penternakan di sesuatu kawasan, cara penyembelihan dan pasarnya jika mereka ingin memilih untuk menternak arnab," katanya. - Bernama